

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 4/8/2008

# Taktik salahkan kerajaan jika didakwa kes liwat

## - Tun Mahathir *UM-4/8/2008*

KUALA LUMPUR 3 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan tergesa-gesa Datuk Seri Anwar Ibrahim bertanding pada pilihan raya kecil di kawasan Parlimen Permatang Pauh adalah taktik untuk menyalahkan kerajaan jika beliau didakwa dalam kes liwat.

"Jika kerajaan menangkap dan mendakwanya dalam masa terdekat kerana kes liwat, Anwar akan mengatakan kerajaan takut kepadanya dan kerana itu mendakwanya... inilah cara Anwar," kata bekas Perdana Menteri itu.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas memberi ucapan pada Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2008 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Sebelum itu, Mahathir mengakui beliau sememangnya mempunyai sangkaan buruk terhadap Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu.

"Dia boleh mempengaruhi orang lain kerana yang negatif boleh menjadi positif dan ramai pula yang mempercayainya," katanya.

Beliau seterusnya mempersoalkan tindakan Anwar yang mahu bertanding di Permatang Pauh sedangkan masih banyak masa lagi sebelum 16 September iaitu tarikh Anwar mendakwa beliau boleh menjadi Perdana Menteri.

Ditanya mengenai peluang calon Barisan Nasional (BN) untuk memenangi pilihan raya kecil di

Permatang Pauh, Dr. Mahathir berpendapat, agak sukar untuk calon BN menang setelah gagal dalam beberapa cubaan sebelum ini.

"Apa yang penting nanti ialah kita hendak tahu sama ada undi yang diperoleh oleh UMNO berkurangan atau tidak," jelasnya.

Pada pilihan raya umum 8 Mac lalu, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Ismail (PKR) mempertahankan Parlimen Permatang Pauh dengan memperoleh 30,338 undi menewaskan Datuk Pirdaus Ismail (BN) yang mengutip 16,950 undi.

Sementara itu, ketika mengulas Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang akan dipinda, Mahathir berpendapat, penuntut universiti tidak boleh melibatkan diri secara taksub dalam politik dengan meninggalkan pelajaran.

Menurut beliau, jika penuntut gagal disebabkan penglibatan mereka dalam politik, itu adalah sikap tidak bertanggungjawab yang mengecewakan kerajaan, ibu bapa dan masyarakat yang telah membiayai pengajian mereka.

Dr. Mahathir menambah, penuntut boleh berbincang mengenai politik semasa melalui penganjuran forum di universiti dan ini juga membantukan meluaskan pandangan dan fikiran mereka.

Beliau seterusnya menegaskan, AUKU boleh dipinda, tetapi penuntut tidak boleh dibenarkan terlibat dalam politik.